



**KEPERLUAN SOKONGAN EMOSIONAL DALAM KALANGAN  
ANAK DEWASA YANG MENJAGA WARGA TUA**  
(Emotional Support Needs In Caring For The Elderly Parents By The Adult Children)

Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah & Christine Chan

**ABSTRAK**

Peningkatan bilangan warga tua di Malaysia (60 tahun ke atas) akan mencapai jumlah 2.2 juta orang atau 9.5% menjelang 2020. Statistik juga menunjukkan bahawa kadar kelahiran semakin menurun beberapa dekad kebelakangan ini. Statistik ini menggambarkan satu dimensi baru berkaitan penjagaan warga tua dalam kalangan anak dewasa. Anak-anak dewasa pula, selain menghadapi bebanan untuk menyara keluarga sendiri, terpaksa menyara orang tua mereka yang kos kesihatan semakin hari semakin meningkat. Artikel ini meninjau aspek sokongan emosi dan timbal balik dalam hubungan anak dewasa (penjaga) dengan warga tua dengan menggunakan pendekatan teori pertukaran sosial. Kaedah survei digunakan dari bulan November 2008 hingga Januari 2009 untuk mengumpul data daripada 640 orang anak dewasa daripada etnik Melayu, Cina dan India. Dapatan kajian menunjukkan 65% anak dewasa bandar dan 59.7% anak dewasa luar bandar yang menjaga warga tua ialah anak dewasa perempuan yang majoritinya telah berkahwin dan mempunyai anak antara satu ke tiga orang. Majoriti responden luar bandar (92.8%) dan 43.1% responden bandar tinggal bersama warga tua yang dijaga mereka dan kerelaan untuk menjadi penjaga kepada warga tua merupakan pilihan mereka sendiri. Pasangan penjaga merupakan pemberi bantuan fizikal dan emosi utama dalam proses penjagaan warga tua.

**Kata Kunci:** sokongan emosional, teori pertukaran sosial, anak dewasa dan warga Tua

**ABSTRACT**

The numbers of elderly population (60 and above) in Malaysia are projected to grow to 2.2 million by the year 2020. Statistics record that the birth rate in Malaysia has been decreasing in the last few decades. Both these statistics describe new dimensions of a phenomena relating to the caring for elderly parents by adult children. Adult children while facing burden to support their own family has also to support older parents where health costs are increasing significantly. This article discusses the emotional support and reciprocal relationships among adult children and their older parents using the social exchange theory approach. The survey method was used to collect data from 640 adult children of the Malay, Chinese and Indian ethnic groups. The survey findings show that 65% urban and 59.7% rural caregivers are daughters, who have married and have one to three children. Majority of the rural (92.8%) and urban (43.1%) respondents live with their older parents and they take care their older parents on their own choice. Their spouses provide physical and emotional supports throughout the caring process.

**Keyword:** social support, social exchange theory, adult children and elderly

## **PENGENALAN**

Isu penjagaan warga tua oleh anak dewasa, terutama mereka yang tinggal di bandar, adalah baru dan menarik perhatian masyarakat umum di Malaysia. Walaupun perkara ini telah lama dikaji di negara yang maju, namun fenomena ini masih lagi dianggap baru di negara sedang membangun (Jameelah et al. 2003). Kecanggihan teknologi perubatan dan pertambahan jangka hayat individu telah membawa kepada peningkatan jumlah warga tua di Malaysia. Kini, Malaysia dianggarkan mempunyai 9.5 % atau 2.2 juta orang yang berumur 60 tahun ke atas menjelang tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001). Ini bermakna lebih ramai warga tua terpaksa bergantung kepada orang lain untuk menjalani kehidupan harian. Keadaan ini memberi kesan kepada anak dewasa dan keluarga mereka untuk menanggung perbelanjaan kesihatan, perkhidmatan penjagaan dan menggalas pelbagai tanggungjawab yang lebih besar.

Pada kebiasaannya warga tua lebih senang dengan persekitaran yang telah sehati dengan diri mereka, misalnya rumah, pasar, keluarga, saudara-mara dan kawan yang telah lama mereka berhubungan. Dalam masyarakat Asia, fenomena warga tua yang selesa menetap bersama-sama anak atau anggota keluarga yang mempunyai hubungan persaudaraan adalah biasa. Mereka sering mengharapkan bantuan dan perhatian daripada anak-anak, saudara-mara, jiran-tetangga dan rakan-rakan (Steenvoorden et al. 1993). Di Malaysia, terdapat lebih kurang 72% warga tua yang menetap bersama-sama anak-anak mereka (Chen 2002). Kajian Chen, (2002) jelas menunjukkan kebergantungan warga tua kepada anak dewasa untuk mengharungi sisa-sisa kehidupan mereka.

Kebergantungan warga tua berlaku apabila mereka yang dahulunya berdikari kini menjadi uzur dan terpaksa bergantung kepada anak dewasa. Perubahan hubungan ini juga mewujudkan pola hubungan asimetri antara anak dewasa dengan ibu bapa. Hubungan asimetri semasa peringkat akhir hidup ibu bapa tua berlaku dengan anak dewasa yang mengambil alih peranan sebagai penjaga kepada ibu bapa (Qureshi & Walker 1989). Kebanyakan kajian lepas yang dijalankan, khususnya di Malaysia, mencadangkan bahawa anak mesti berperanan membalas pengorbanan orang tua kerana mereka juga bakal menjadi tua suatu masa nanti. Anak dewasa harus memahami perasaan, bersikap timbang rasa, menghargai, menyayangi dan menghormati ibu bapa mereka (Yaacob Harun 1993, Faridatul Azna & Che Sahak 1999, Yahya & Wan Ibrahim 2000 dan Tengku Aizan et al. 2000).

Dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, aspek yang paling penting dalam hubungan intergenerasi ialah sokongan dan bantuan untuk satu atau lebih warga tua merupakan tanggungjawab utama anak dewasa. Tetapi sokongan dan bantuan untuk warga tua selalunya dianggap sebagai hubungan statik dan bergantung kepada anak dewasa. Manakala anak dewasa pula menjangkakan hubungan seperti itu telah memenuhi tanggungjawab atau memuaskan hati ibu bapa mereka. Sebaliknya, aspek sokongan emosi dan timbal balik (*reciprocal*) bagi hubungan antara generasi tidak diberi perhatian sepenuhnya oleh anak dewasa dalam menjaga ibu bapa tua mereka. Dalam hubungan intergenerasi antara anak dewasa dengan warga tua yang melibatkan pelbagai jenis sokongan sosial dan hubungan timbal balik, atikel ini bertujuan untuk mengenalpasti sokongan emosi dan hubungan timbal balik dengan menggabungkan dimensi yang dicadangkan oleh teori pertukaran sosial oleh Emerson (1962, 1972) dan Brackbill & Kitch (1991).

## **TEORI PERTUKARAN SOSIAL DAN PENJAGAAN WARGA TUA**

Emerson (1962) berpendapat hubungan bergantung kepada keupayaan antara satu sama lain berasaskan ganjaran yang mempunyai nilai. Sumber pertukaran dalam bentuk ganjaran yang bernilai merangkumi sokongan, kewangan, maklumat, kasih sayang, tenaga, patuh kepada

arahan ibu bapa tua atau pemberian harta. Menurut teori ini, jika seseorang individu mempunyai keupayaan yang rendah dalam memberi ganjaran kepada individu lain, maka individu itu dianggap mempunyai hubungan kebergantungan kepada individu lain dan individu yang mempunyai sumber pertukaran yang lebih besar mempunyai lebih banyak kuasa dalam hubungan tersebut. Tambahan pula, jika pertukaran dalam hubungan terlalu jauh dan tidak seimbang, maka hubungan tersebut menjadi tidak stabil dan boleh berlaku konflik.

Brackbill & Kitch (1991) mendapati konsep dalam teori pertukaran sosial ini amat berguna untuk memahami mengapa sesetengah individu boleh tinggal bersama dengan ibu bapa tua mereka dan mengapa individu lain tidak boleh berbuat demikian. Warga tua yang masih tinggal serumah dengan anak dewasa membawa lebih banyak pertukaran berbanding warga tua yang tidak boleh tinggal dengan anak dewasa mereka. Warga tua yang tinggal bersama-sama anak dewasa biasanya kurang suka mendesak atau membebankan anak dewasa dalam aspek meminta bantuan dan sokongan sosial. Malah warga tua cenderung memberi bantuan kepada keluarga dari segi kewangan di samping mereka juga cenderung melakukan aktiviti di luar rumah dan secara tidak langsung mengurangkan interaksi dalam rumah tangga yang boleh mencetuskan konflik dalam perhubungan anak warga tua tersebut. Manakala Brackbill & Kitch (1991) mendapati warga tua yang tinggal berasingan cenderung untuk mendesak dan membebankan serta kurang memberi sumbangan timbal balik kepada anak dewasa. Warga tua tersebut memerlukan lebih banyak bantuan; mereka kurang suka membantu keluarga daripada aspek kewangan dan ini bermakna anak dewasa akan berdepan dengan konflik antara ingin menjaga ibu bapa mereka atau mencari peluang pekerjaan untuk menampung kos penjagaan. Apabila warga tua kurang melakukan aktiviti di luar rumah, ada kecenderungan dalam kalangan mereka bagi mencetuskan konflik dalam interaksi dan perhubungan dalam keluarga.

Apabila warga tua boleh membawa lebih banyak nilai dalam pertukaran (hubungan timbal balik), terutama dari segi memberi bantuan kewangan, maka anak dewasa lebih berkemungkinan merasakan mereka kurang autonomi, kebebasan dan privasi dalam hubungan mengimbang balas. Tetapi apabila warga tua kurang membawa pertukaran dalam perhubungan, maka warga tua merasakan tanggungjawab menjaga mereka kurang memuaskan dan sebaliknya anak dewasa juga merasakan menjaga warga tua adalah sesuatu yang amat membebankan (Atchley & Barush 2004).

Isu penjagaan dari perspektif sokongan sosial, merupakan fokus artikel ini. Kahn & Antonucci (1980) mendefinisikan sokongan sosial sebagai transaksi interpersonal yang melibatkan satu atau lebih elemen berikut: kasih sayang, pengakuan dan bantuan. Kasih sayang dilihat sebagai ekspresi minat dan merangkumi bantuan. Pengakuan atau persetujuan dilihat sebagai ekspresi persetujuan atau penerimaan kesesuaian atau kebenaran sesuatu tindakan atau pernyataan oleh seseorang. Bantuan merangkumi bantuan secara langsung atau pertolongan dari segi kewangan, maklumat, masa dan keperluan.

George & Gwyther (1986) mengkaji keperluan sokongan sosial untuk kesejahteraan keluarga. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kesejahteraan anak dewasa lebih baik jika mereka merasakan perlu ada lebih banyak jaringan sokongan sosial dalam proses penjagaan ibu bapa. Walau bagaimanapun, keberkesanan jaringan sokongan sosial sebagai bantuan bergantung kepada penyesuaian keperluan mereka yang menerima bantuan sosial dengan sumber dan kemahiran pemberi bantuan sosial tersebut. Thoits (1986) mencadangkan bahawa sosiobudaya dan kesamaan situasi boleh meningkatkan keberkesanan bantuan kerana hal-hal tersebut mempertingkatkan kemungkinan untuk mengangap dan menerima pemahaman empati. Kajian Khadijah (2008) membuktikan bahawa sokongan timbal balik hanya wujud dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat berbanding ibu bapa yang kurang upaya dan sakit terlantar. Fenomena ini bersesuaian dengan rumusan Bengston et al.

(1996) bahawa warga tua yang sihat biasanya bukan sahaja penerima bantuan, malah lazimnya mereka juga merupakan pemberi bantuan kepada anak dewasa. Artikel ini bertujuan mengenalpasti sokongan emosi, fizikal dan hubungan timbal balik dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua mereka. Secara spesifiknya, artikel ini akan menghuraikan:

- a) hubungan antara komponen sokongan emosi dan sokongan sosial yang lain dengan hubungan timbal balik antara anak dewasa dan ibu bapa tua mereka; dan
- b) siapakah yang paling banyak beri bantuan kepada responden dalam proses penjagaan.

## KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI

Dengan menggunakan kaedah survei, anak dewasa (responden kajian) yang menjaga warga tua ditemubual secara bersemuka oleh enumerator yang dilatih oleh penyelidik. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan berstruktur yang disediakan dalam borang soal selidik. Secara keseluruhan seramai 640 orang dipilih sebagai sampel kajian. Jumlah responden bagi setiap negeri adalah setara, iaitu masing-masing 160 orang. Pengenalpastian responden dibuat oleh penghulu dan ketua kampung di kawasan masing-masing. Kebenaran pegawai daerah di setiap negeri diperoleh bagi menemubual responden. Penyelidik tidak menghadapi sebarang halangan dalam menemubual responden. Kajian ini dijalankan di empat negeri, iaitu Perak (utara), Selangor (tengah), Negeri Sembilan (selatan) dan Pahang (timur). Secara spesifiknya, lokasi kajian adalah bandar dan luar bandar, dan itu merupakan salah satu kriteria pemilihan sampel untuk kajian ini. Responden dipilih daripada etnik Melayu, Cina dan India. Jadual 1 menyenaraikan negeri dan daerah yang dipilih dalam kajian ini.

Jadual 1: Kawasan Kajian mengikut Negeri

Negeri	Kawasan kajian
Perak	Ipoh Taiping
Selangor	Seri Kembangan Semenyih
Negeri Sembilan	Seremban Kuala Pilah
Pahang	Kuantan Raub

Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan SPSS dan statistik deskriptif seperti min dan peratus digunakan untuk menentukan taburan responden mengikut faktor-faktor terpilih serta hubungan antara komponen sokongan emosi dan sokongan sosial dengan hubungan timbal balik antara anak dewasa yang menjaga warga tua.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### a) Profil Responden

Daripada 640 responden yang ditemubual, 62.4% ialah perempuan dan 37.4% lelaki. Kajian lepas memfokuskan penjaga primer sahaja, 74.0% merupakan golongan wanita yang menjadi

penjaga kepada warga tua. Amat kurang anak lelaki dan saudara-mara lelaki yang menjadi penjaga primer (Stone, Cafferata & Singl, 1987). Jadual 2 menunjukkan bahawa umur antara 30 hingga 49 tahun merupakan majoriti responden yang mengambil tanggungjawab menjaga warga tua. Purata min umur anak dewasa yang menjaga warga tua adalah 43 tahun untuk mereka di bandar dan luar bandar. Purata umur ini jelas menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada generasi tengah. Generasi tengah ialah generasi anak dewasa yang bertanggungjawab terhadap keluarga sendiri di samping menjaga ibu bapa tua mereka. Bagi generasi tengah, mereka akan berhadapan dengan isu bantuan dan sokongan kepada ibu bapa yang mengalami proses penuaan di samping bertanggungjawab di atas keluarga mereka sendiri (Bertram et al. 1996).

Responden Melayu lebih banyak tinggal di luar bandar, iaitu 92.8% bandingkan dengan 43.1% di bandar. Ini diikuti dengan Cina dan India yang lebih banyak di bandar, iaitu 36.6% dan 20.3% berbanding yang tinggal di luar bandar yang hanya 5.3% (etnik Cina) dan 1.9% (etnik India). Dari segi status perkahwinan pula, kajian ini mendapati kebanyakan responden sudah berkahwin dan kira-kira 15% ke 20% masih bujang dan sudah terlibat dalam penjagaan orang tua mereka. Selain itu, hampir dua pertiga daripada responden (64.2%) di bandar dan luar bandar mempunyai bilangan anak antara satu hingga tiga orang (sila lihat Jadual 2).

### b) Status Kesihatan Responden

Kajian ini mendapati 77.5% responden bandar dan 77.8% responden luar bandar mempunyai status kesihatan yang baik. Hanya kira-kira 22% menyatakan mereka pernah mengalami masalah kesihatan. Penyakit-penyakit yang dilaporkan oleh responden ialah darah tinggi, kencing manis, sakit sendi dan lain-lain (sila rujuk Jadual 3).

Jadual 2: Profil Demografi Responden (n = 640)

<i>Profil Responden</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Jantina		
Lelaki	35.0	40.3
Perempuan	65.0	59.7
Kumpulan Umur		
< 29	0.7	0.6
30-39	35.6	33.1
40-49	45.0	45.3
50-59	15.3	18.8
60 >	3.4	2.2
Umur (min 43.3)		
Etnik		
Melayu	43.1	92.8
Cina	36.6	5.3
India	20.3	1.9
Status Perkahwinan		
Bujang	15.9	20.3
Berkahwin	76.9	75.0
Bercerai/berpisah	3.7	2.9

Duda/balu	3.5	1.8
Bilangan Anak Responden		
1-3	67.5	60.9
4-6	28.1	33.4
7-9	4.1	4.7
10-13	0.3	0.6
14-18	0	0.4

Jadual 3: Status Kesihatan Responden (n = 640)

<i>Status Kesihatan</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Pernah mengidap sebarang penyakit		
Ya	22.5	22.2
Tidak	77.5	77.8
Jenis penyakit responden		
Darah Tinggi	51.4	45.8
Kencing Manis	26.4	26.4
Sakit Sendi	11.1	8.3
Demam Chikungnya	5.6	6.9
Sakit Jantung	2.8	9.7
Kanser	1.4	1.4
Angin Ahmar (Stroke)	1.4	1.4

Jadual 4: Hubungan Antara Responden dengan Warga Tua (n = 640)

<i>Item</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Hubungan dengan warga tua		
Ibu	50.8	50.9
Bapa	32.0	30.4
Ibu/Bapa Mertua	14.9	13.5
Ibu/Bapa Tiri	0.6	1.5
Ibu/Bapa Angkat	0.3	0.2
Ibu/Bapa Saudara	0.3	1.5
Nenek/Datuk	1.1	2.0
Umur Warga Tua		
50-60	10.2	6.4
61-70	41.7	29.2
71-80	31.8	40.4
81-90	15.5	22.8
90 >	0.8	1.2

Tempat Tinggal Responden-Warga Tua		
Tinggal bersama keluarga	43.1	92.8
Tinggal berdekatan	36.6	5.3

---

### c) Hubungan Reponden dengan Warga Tua

Kajian ChorSwang & DaVanzo (1999) menunjukkan bahawa anak dewasa dalam masyarakat Melayu, terutama yang telah berkahwin, agak bebas untuk keluar bekerja atau mencari kerja. Anak dewasa yang telah berkahwin tidak dipertanggungjawabkan untuk tinggal bersama dengan ibu bapa mereka. Keluarga Melayu juga lazimnya mengamalkan sistem bilateral, iaitu anak dewasa boleh memilih tempat tinggal selepas berkahwin sama ada bersama dengan pihak lelaki ataupun pihak perempuan. Walau bagaimanapun, Jadual 4 menunjukkan bahawa peratusan yang sama (50%) bagi responden bandar dan luar bandar menjaga ibu mereka, manakala kira-kira 30% menjaga bapa, 14% menjaga ibu bapa mertua dan lain-lain. Kajian itu juga menunjukkan tidak ada perbezaan ketara antara penjagaan gender di bandar maupun luar bandar. Piercy (1998) menyatakan bahawa apabila anak dewasa memberikan bantuan penjagaan kepada ibu bapa mereka, anak perempuan dan menantu perempuan biasanya memainkan peranan penjagaan yang utama dan anak lelaki dan menantu lelaki pula menyediakan bantuan tambahan kepada isteri atau adik/kakak perempuan mereka. Jenis-jenis penjagaan yang diberikan oleh anak perempuan antaranya ialah penjagaan praktikal (misalnya mencuci pakaian, penyediaan makanan, penjagaan anak dan mengemas rumah) bantuan personal (misalnya bercakap tentang masalah dan memberi nasihat) dan bantuan *material* (misalnya kewangan dan hadiah) (Eriksen & Gerstel, 2002).

Dari segi umur, terdapat sedikit perbezaan antara warga tua di bandar dengan warga tua luar bandar, iaitu 41.7% responden bandar menjaga warga tua yang berumur antara 61-70 tahun berbanding 29.2% responden luar bandar menjaga warga tua yang berumur sama. Bagi warga tua yang berumur antara 71-90 tahun pula, didapati 47.3% responden bandar dan 63.2% responden luar bandar menjaga warga tua dalam lingkungan umur berkenaan. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi tahap pergantungan warga tua terhadap anak dewasa bandar dan luar bandar. Bagi warga tua yang berumur antara 61-70 tahun, tahap pergantungan kepada anak dewasa lebih tinggi di bandar berbanding di luar bandar. Sebaliknya, penjagaan warga tua pada usia 71 hingga 90 tahun di bandar semakin berkurangan (47.3%) berbanding hal yang sama di luar bandar, iaitu 63.2%. Kajian ini juga menunjukkan bahawa jangka hayat warga tua di luar bandar lebih tinggi berbanding jangka hayat warga tua di bandar.

Kajian ini memilih anak dewasa yang tinggal serumah dengan warga tua dan/atau berhampiran sebagai sampel bagi menghuraikan pengalaman penjagaan mereka. Hampir semua (93%) responden yang tinggal di luar bandar memilih untuk tinggal bersama ibu bapa kandung dan/atau ibu bapa mertua banding responden di bandar, iaitu 43.1% memilih tinggal bersama warga tua dan 36.6% tinggal berdekatan dengan warga tua. Jadual 4 memberi gambaran bahawa kebanyakan anak dewasa masih tinggal bersama ibu bapa kandung atau ibu bapa mertua, sama ada di bandar atau di luar bandar, walaupun ada indikator yang menunjukkan peningkatan jumlah anak dewasa yang tinggal berdekatan dengan warga tua mereka, terutama di bandar.

Kajian Da Vanzo & Chan (1994) mendapati lebih dua pertiga penduduk Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas tinggal bersama anak dewasa. Jabatan Statistik Malaysia (1998) juga melaporkan 59% warga tua tinggal bersama anak-anak mereka. Kajian Chen (2002) pula mendapati bahawa hampir 72% warga tua di Malaysia tinggal bersama anak dewasa mereka.

Di negara Asia Tenggara yang lain, ibu bapa tua yang menetap bersama anak dewasa mereka secara relatif juga sangat tinggi; misalnya lebih 71% ibu bapa tua tinggal bersama anak dewasa di Filipina. Di Taiwan dan Thailand pula keadaannya hampir sama. Manakala di Indonesia dan Singapura, kebanyakan ibu bapa tua tinggal bersama-sama anak dewasa mereka (Chan 2005, Cameron 2000, Ofstedal et al. 1999). Seperti hasil kajian terdahulu, kajian ini juga mendapati ramai ibu bapa tinggal bersama anak dewasa mereka.

#### d) Jangka Masa Penjagaan dalam Kalangan Anak Dewasa

Jangka masa penjagaan amat signifikan dalam kehidupan seseorang anak dewasa untuk memahami makna sesuatu pengalaman. Dalam kajian ini makna pengalaman ialah proses penjagaan berasaskan tempoh jangka masa yang dilalui oleh anak dewasa dalam menjaga ibu bapa mereka. Proses penjagaan ini sering dilihat sebagai aktiviti yang dilakukan oleh anak perempuan kerana penekanannya terhadap pembelaan, aktiviti penjagaan diri dan kerja rumah. Tetapi definisi ini tidak mengambil kira isu kuasa dalam menjaga warga tua, penyeliaan dalam mengurus penjagaan dan keperluan dalam mendapatkan perubatan (Miller 1987, Prunco & Resch 1989). Jadual 5 menunjukkan lebih separuh (58% bandar dan 57.7% luar bandar) responden menyatakan mereka menjaga warga tua dalam tempoh satu hingga 10 tahun, diikuti dengan jangka masa 11 hingga 20 tahun, iaitu kira-kira 28% di bandar dan luar bandar. Didapati 71.2% responden bandar dan 96.4% responden luar bandar mempunyai pengalaman penjagaan warga tua. Majoriti responden (90%) di bandar dan luar bandar menyatakan mereka yang menentukan pilihan untuk menjadi penjaga kepada warga tua. Manakala warga tua yang memilih responden sebagai penjaga cuma kira-kira 5% di bandar dan luar bandar (Jadual 6). Ini bermakna rasa tanggungjawab menyebabkan memilih untuk menjaga orang tua mereka. Mereka tinggal serumah atau berdekatan dan sudah menjadi lumrah (atau ada yang menyatakan bahawa takdir yang menentukan segala-galanya) untuk mereka mengambil peranan demikian.

Jadual 5: Jangka Masa dan Pengalaman Membantu Penjagaan (n = 640)

<i>Profil Penjagaan</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Tempoh Penjagaan	58.0	57.7
1 - 10 tahun		
11 - 20 tahun	28.4	28.2
21 - 30 tahun	11.4	12.8
30 - 40 tahun	2.3	1.3
Pengalaman Penjagaan		
Ya	71.2	96.4
Tidak	28.8	3.6

Jadual 6: Penentu Menjadi Penjaga (n = 640)

<i>Penentu Penjaga</i>	Peratus	
	Bandar (n = 320)	Luar Bandar (n = 320)
Pilihan sendiri	91.0	90.7
Pilihan warga tua	5.2	5.8
Dipilih adik beradik	1.3	3.5



### e) Sokongan Sosial Yang Diberikan Selain Daripada Responden

Kajian oleh Asnarulkhadi et al. (2006) mengenai peranan keluarga dalam memberi sokongan sosial kepada warga tua mendapati jenis sokongan terbahagi kepada dua, iaitu jenis sokongan bukan fizikal seperti penjagaan kesihatan, penjagaan semasa sakit, penjagaan harian, riadah, komunikasi, tempat mengadu masalah dan lain-lain dan sokongan fizikal seperti penyediaan alat pergerakan, alat komunikasi, pengangkutan, tempat tinggal, makanan, kelengkapan rumah, pakaian dan pemberian kewangan. Antara yang paling kurang diterima oleh warga tua ialah riadah dan paling banyak diterima ialah pemberian wang, makanan dan sebagainya. Kajian ini juga menunjukkan secara keseluruhan warga tua amat berpuas hati dengan sokongan bantuan yang diberikan keluarga.

Khadijah (2008) mendapati jenis bantuan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak dewasa ialah bantuan emosi melalui berkongsi masalah, memberi bantuan kewangan, memasak, membeli belah, mengemas rumah dan mengurus cucu serta mengurus pergi dan balik sekolah cucu semasa anak dewasa keluar bekerja. Dari aspek pengurusan penjagaan pula, anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat kurang mengalami beban penjagaan. Bahkan mereka mendapat banyak bantuan daripada keluarga luas dan pelbagai bantuan tambahan daripada organisasi sosial. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan warga tua di bandar atau luar bandar masih sihat dan aktif.

Jadual 7: Pemberi Bantuan Fizikal selain daripada responden (n = 640)

Pemberi Bantuan	Tidak Pernah		Jarang		Kadang - kadang		Kerap		Setiap hari		Min	Min
	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar	Luar Bandar
Pasangan	24.4	28.4	3.4	2.2	10.3	8.8	36.9	32.5	25.0	28.1	3.35	3.30
Anak-anak	8.4	9.1	19.1	16.3	38.4	37.8	28.4	31.3	5.7	5.5	3.04	3.08
Adik-beradik	25.0	27.8	14.1	10.3	23.1	26.3	29.4	26.6	8.4	9.1	2.82	2.79
Saudara-mara	30.9	22.5	33.1	34.7	30.3	35.0	5.7	7.8	0	0	2.11	2.28
Kawan	31.9	29.7	32.5	32.2	30.3	35.0	5.3	2.8	0	0.3	1.88	1.98
Jiran	36.6	34.4	39.4	37.8	22.2	24.7	1.8	3.1	0	0	1.95	2.13
Jawatankuasa Rumah Ibadat	72.2	53.8	19.1	26.1	8.1	18.8	0.6	1.3	0	0	1.37	1.68

Jadual 7 menyenaraikan pemberi bantuan yang terdiri daripada pasangan suami atau isteri, anak-anak, adik-beradik, saudara mara, kawan, jiran dan jawatankuasa rumah ibadat (masjid, gereja, tokong atau kuil). Hasil kajian mendapati pasangan responden merupakan yang paling kerap membantu menjaga ibu bapa tua mereka (min = 3.35), diikuti oleh anak-anak (min = 3.04), adik beradik (min = 2.82) dan saudara-mara (min = 2.11). Purata kekerapan bantuan menunjukkan trend yang hampir sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Kajian ini juga menunjukkan bahawa responden kurang mendapat bantuan daripada saudara mara, kawan, jiran dan jawatankuasa rumah ibadat.

Jadual 8 memaparkan pemberi bantuan emosi selain responden kepada warga tua di bandar dan luar bandar. Bantuan emosi dalam kajian ini didefinisikan sebagai bantuan dari aspek berbual-bual, mendengar keluh-kesah, memujuk, menunjukkan sikap prihatin dengan masalah yang dihadapi dan menjadi tempat mengadu daripada segi agama dan rohani. Hasil kajian menunjukkan pasangan kepada responden paling kerap memberi bantuan emosi kepada warga tua (min = 3.23), diikuti dengan anak-anak, adik beradik dan saudara-mara. Bantuan fizikal dan emosi memang dijangka diberikan oleh mereka kerana mereka paling hampir

dengan warga tua (tinggal serumah atau berdekatan dan/atau yang mempunyai pertalian darah) dan sudah semestinya menyumbang lebih daripada mereka yang bukan ahli keluarga.

Jadual 8: Pemberi Bantuan Emosional selain daripada responden (n = 640)

Pemberi Bantuan	Tidak Pernah		Jarang		Kadang - kadang		Kerap		Setiap hari		Min	Min
	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar (%)	Luar B (%)	Bandar	Luar Bandar
Pasangan	24.7	27.5	4.1	1.3	12.8	10.9	36.3	32.8	22.1	27.5	3.27	3.32
Anak-anak	16.5	11.6	19.7	20.0	34.4	42.2	26.9	23.7	2.5	2.5	2.79	2.86
Adik-beradik	35.0	38.4	15.9	15.0	19.4	18.4	25.0	21.9	4.7	6.3	2.48	2.43
Saudara-mara	31.3	28.1	33.4	33.8	29.4	31.2	5.9	6.9	0	0	2.10	2.17
Kawan	31.9	29.7	32.5	32.2	30.3	35.0	5.3	2.8	0	0.3	2.09	2.12
Jiran	36.6	34.4	39.4	37.8	22.2	24.7	1.8	3.1	0	0	1.89	1.97
Jawatankuasa Rumah Ibadat	70.6	57.5	19.4	25.0	9.7	17.2	0.3	0.3	0	0	1.40	1.60

Kajian Asnarulkhadi et al. (2006) juga mendapati bahawa jenis sokongan yang paling diharapkan oleh warga tua ialah sokongan sosial, iaitu ziarah, bantuan kewangan dan kasih sayang daripada keluarga. Persoalannya adalah siapakah yang paling diharapkan untuk memberi sokongan? Anak lelaki atau perempuan? Persepsi tradisional mengharapkan anak lelaki tetapi persepsi tradisional ini agak sukar dipertahankan dalam amalan kehidupan harian moden dewasa ini (Asnarulkhadi et al. 2006). Salah satu sebab mengapa persepsi tradisional tidak dapat dipertahankan oleh masyarakat kini ialah kesan modenisasi yang mengubah struktur keluarga dan harapan (norma dan budaya tradisional) masyarakat. Fenomena ini juga ada kaitan dengan jumlah anak dan kos menyara hidup dewasa ini. Kadar fertiliti anak dewasa menurun dan kos keseluruhan menyara keluarga meningkat sehingga memaksa sumai isteri bekerja. Secara tidak langsung, data kajian ini juga menunjukkan bahawa jangka hayat warga tua juga meningkat seiring dengan kos perubatan dan penjagaan warga tua yang turut meningkat dengan drastik. Berdasarkan faktor-faktor inilah sokongan emosi dan fizikal secara keseluruhannya diberi oleh anak.

## KESIMPULAN

Warga tua kurang mendapat bantuan secara fizikal dan emosi selain responden. Bagi meringankan beban penjagaan oleh responden, sokongan dan bantuan daripada anggota keluarga dan komuniti amat perlu. Majoriti responden masih bekerja, telah berkeluarga, mempunyai anak di bawah tanggungan dan menjaga ibu bapa mereka. Oleh yang demikian, kami mencadangkan sokongan sosial berteraskan pendidikan komuniti di bentuk untuk mengerakkan secara berterusan hubungan antara ahli keluarga dan anggota komuniti yang lain dengan institusi sosial dalam persekitaran kehidupan warga tua bagi mencapai penuaan berjaya.

Pendidikan informal dari segi penjagaan warga tua kepada anak dewasa, warga tua dan komuniti secara keseluruhannya amat penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan komuniti. Sebaliknya diharapkan kerajaan perlu mengambil langkah proaktif dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti rumah penjagaan harian untuk warga tua dan rumah penjagaan sementara, terutama untuk melatih warga tua berdikari dan memberi peluang kepada penjaga berehat seketika. Secara praktis, kerajaan telah mengaplikasikan bantuan dan sokongan untuk warga tua dan penjaga mereka di Malaysia. Tetapi kekurangan rumah

penjagaan harian dan rumah penjagaan sementara amat serius dalam jangka masa 10 tahun akan datang. Polisi ini secara signifikan dapat mengurangkan beban penjagaan oleh anak dewasa dan kesejahteraan warga tua pula lebih terjamin dan berkualiti.

## RUJUKAN

Asnarulkhadi Abu Samah et al. 2006. *Sokongan sosial warga tua: Satu kajian rol famili*. Monograf Institut Gerontologi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Atchley, R. & Baruch, A. 2004. *Social forces and aging: An introduction to social gerontology* (edisi ke-10). USA: Thompson Wadsworth.

Bengtson, V.L., Rosenthal, C., Burton, L. & Binstock, R.H. 1996. *Handbook of aging and the social sciences*. San Diego, CA: Academic Press

Bertram, J. & Karen Altergott 1996. The family of the second half of life: connecting theories and findings. Dlm. Rosemary B. & Victoria H. B. (Pnyt.), *Aging and the family : Theories and research*. London: Praeger.

Brackbill, Y. & Kitch, D. 1991. Intergenerational relationships: A social exchange perspective on joint living arrangements among the elderly and their relatives. *Journal of Aging Studies* 5 (1): 315-325.

Chan, Angelique. 2005. Formal and informal intergenerational support transfers in south-eastern asia. *United Nations Expert Group meeting on social and economy implications of changing populations age structures*. Mexico City: United Nations Secretariat, , 31 Ogos - 2 September.

Chen, P.C.Y. 2002. The elderly Malaysian. *Malaysian Medical Association*. [http://www.mma.org.my/info/4\\_elderly\\_84.htm](http://www.mma.org.my/info/4_elderly_84.htm).

ChorSwang Ngin & DaVanzo, J. 1999. Parent-child coresidence and quasi-coresidence in Peninsular Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science* 27 (2): 43-64.

DaVanzo, J. & Angelique Chan. 1994. Living arrangement of older Malaysians who co resides with their adult children? *Demography* 3 (1): 95 – 114.

Department of Statistics, Malaysia. 1998. *Senior Citizens and Population Ageing in Malaysia*. Population Census Monograph Series no. 4. Kuala Lumpur: National Printing Department.

Emerson, R.M. 1962. Power-dependence relations. *American Sociological Review*, 27: 31-41.

Emerson, R.M. 1972. Exchange theory. Dlm. J. Berger, M. Zelditch & B. Anderson (Pnyt.). *Sociological Theories in Progress* 2: 38-87. Boston: Houghton Mifflin.

Eriksen, S. & Gerstel, N. 2002. A labor of love or labor itself: Care work among adult brothers and sisters. *Journal of Family Issues*, 23 (7):836-856.

- Faridatul Azna, Ahmad Shahabuddin & Romzi Che Sahak. 1999. Perbelanjaan kesihatan warga di Semenanjung Malaysia. Dlm. Abdul Aziz Jemain et al. (Pnyt.). *Prosiding Isu-Isu Kependudukan Malaysia II*. Bangi: Penerbit UKM.
- George, L. K. & Gwyther, L. 1986. Caregiver well-being: A multidimensional examination of family caregivers of demented adults. *The Gerontologist*, 26: 253 -259.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1998. *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2001. *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jameelah Zainuddin, Arokiasamy, J. T. & Philip, P. 2003. Caregiving burden is associated with short rather than long duration of care for older persons. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 15 (2): 88-93.
- Kahn, R. & Antonucci, T. 1980. Convoys over the life course: Attachment, roles and social support. Dlm. Baltes, P. B. & Brim, O. (Pnyt.) *Life Span Development and Behaviour*. New York: Academic Press.
- Khadijah Alavi. 2008. Pengalaman menjaga ibu bapa tua dalam kalangan anak dewasa Melayu berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia. Tesis PhD yang tidak diterbitkan.
- Miller, S. A. 1987. *Developmental research method*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Ofstedal, M.B. J. Knodel & N. Chayovan. 1999. Intergenerational support and gender: A comparison of four Asian Countries. *Southeast Journal of Social Sciences* 27 (2).
- Piercy, K.W. 1998. Theorizing about family caregiving. The role of responsibility. *Journal of Marriage and the Family* 60 (1): 109 -118.
- Pruchno, R.A. & Resch, N.L. 1989. Aberrant behaviors and Alzheimer's disease: Mental health effects of spouse caregivers. *Journal of Gerontology* 44: 177 -182.
- Qureshi, H. & Walker, A. 1989. *The caring relationship: Elderly people and their families*. Philadelphia: Temple University Press.
- Steenvoorden, M.A, Van der Pas & N.G.J., de Boer 1993. *Family care of the older elderly: Casebook of initiatives*. Luxembourg: Netherlands Institute of Care and Welfare. EU Communities.
- Tengku Aizan Hamid, Asnarulkhadi & Masilawati. 2000. *Kajian perspesi masalah dan keperluan warga tua Johor*, Serdang: UPM dan Yayasan Pembangunan Kerajaan Johor.
- Thoits, P.A. 1986. Multiple identities: Examining gender and marital status differences in distress, *Journal of Marriage and the Family*, 51: 873-893.

Yaacob Harun. 1993. *Keluarga Melayu Bandar: Satu analisis perubahan*. Kuala Lumpur: DBP.

Yahya Ibrahim & Wan Ibrahim Wan Ahmad. 2000. Warga tua: Isu dan fenomena dalam konsep jiran pengaruh dalam konteks penjagaan warga tua Bandar. Dlm. *Warga tua: isu dan fenomena*. Abdul Aziz Jemain, Rahimah Abdul Aziz dan Lukman Z. Mohamad (Pnyt.). Bangi : Penerbit UKM.

Khadijah Alavi  
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, FSSK, UKM  
khadijah@ukm.my

Rahim M. Sail,  
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan  
Fakulti Pengajian Pendidikan, 43400, UPM  
rahim@ipsas.upm.edu.my

Khairuddin Idris,  
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan  
Fakulti Pengajian Pendidikan, 43400, UPM  
kidin@ace.upm.edu.my

Asnarulkhadi Abu Samah  
Jabatan Sosial dan Sains Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia, 43400, UPM  
asnarul@putra.upm.edu.my

Christine Chan  
Institut Pengajian Sains Sosial, UPM  
mojako85@yahoo.com